

Kertas Bil. 8/2017




**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KETIGA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 31 OKTOBER, 1 - 4 DAN 7 - 10
NOVEMBER 2016**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016
KERTAS BILANGAN 36/2016**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG
ISU-ISU PADA TAHUN 2016 MESYUARAT KETIGA PENGKAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KETIGA
BELAS TAHUN 2016 PADA 31 OKTOBER , 01-04 NOVEMBER 2016 & 07-11 NOVEMBER 2016**

| SARANAN | Diterima | Ditolak | ULASAN / TINDAKAN MMKN |
|--|----------|---------|--|
| <p>1. PAC mendapati Perbadanan Wakaf Selangor tidak diperuntukkan Vot Pengurusan Khas Tahunan dan perkara ini wajar diberi perhatian khusus oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p> | | | <p>1. PWS telah memaklumkan kepada pihak Setiausaha Dewan Negeri Selangor melalui email bertarikh 27 September 2016 berkaitan perbelanjaan Pengurusan PWS bagi tahun 2014 hingga 2016</p> |
| <p>2. PAC mendapati Prosedur Operasi Terpiawai (Standard Operational Procedure) urus tadbir hartanah wakaf kurang jelas. Sehubungan itu, PAC bersetuju dengan Jabatan Audit Negara yang menyarankan agar Majlis Agama Islam Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor menyediakan Prosedur Operasi Terpiawai dengan segera untuk memastikan bidang tugas dan urus tadbir hartanah wakaf yang lebih teratur dan jelas</p> | | | <p>2. PWS telah menyediakan Manual Prosedur Kerja berkenaan Pendaftaran tanah wakaf dan mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Wakaf MAIS pada tahun 2012 bagi menambahbaik proses permohonan mewujudkan wakaf;</p> <p>3. PWS juga telah mewujudkan Garis Panduan Pembangunan Hartanah Wakaf PWS yang telah diuluskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PWS bil 4/2013 pada 24 Disember 2013 dan setiap tanah wakaf yang hendak dibangunkan mestilah mengikut garis panduan tersebut.</p> |
| <p>3. PAC mencadangkan Perkara 95, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 disemak semula untuk memastikan Perbadanan Wakaf Selangor menjalankan urus tadbir berlandaskan hak perundangan dan tempoh masa yang sewajarnya. PAC menyarankan peranan dan bidang tugas Majlis Agama Islam Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor diperkemas dan diperjelaskan.</p> | | | <p>4. PWS telah mengadakan perbincangan bersama pihak Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor pada 17 Mac 2017 berkenaan kaedah pelaksanaan Perkara 95 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di mana pihak Penasihat Undang-undang Negeri Selangor berpandangan bahawa Pihak Perbadanan hanya menyediakan dan mengemukakan kepada Majlis suatu senarai harta wakaf yang terletak hak kepada Majlis sebelum pihak Majlis mengemukakan senarai tersebut kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor untuk proses pewartaan. Ini selaras dengan Seksyen 16 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 berkenaan penyiaran senarai mawqaf.</p> |

Disahkan Oleh:

 Haji Anuar Hamzah Bin Tohar
 Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS



| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan MMKN |
|-----|--|--|----------|---------|---|
| 36 | PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016 | <p>1. PAC mengesyorkan Majlis Daerah Kuala Langat mengemukakan Manual Saliran Mestra Alam (MSMA) oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kepada pemilik ladang yang dikenal pasti. Manual yang telah diimplementasikan kepada setiap pemaju perumahan ini turut memastikan pemilik ladang memahami garis panduan spesifik menguruskan parit di dalam ladang masing-masing.</p> <p>2. PAC mencadangkan Majlis Daerah Kuala Langat mengarahkan kontraktor meningkatkan kekerapan membersihkan sistem longkang dan parit terutama ketika musim hujan.</p> | | | <p>Pihak Majlis telah melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan ops lumpur seperti laporan di lampiran A.</p> <p>Pihak MDKL juga sedang mengenalpasti ladang-ladang yang terdapat dalam Daerah Kuala Langat untuk membolehkan pihak mdkl mengeluarkan surat arahan kepada pemilik ladang bagi melaksanakan manual saliran mestra alam (MSMA) di ladang masing-masing. Mengikut maklumat sediaada terdapat sebanyak 155 buah ladang di Daerah Kuala Langat.</p> <p>Pihak Majlis telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor pembersihan awam yang dilantik untuk menghadapi persediaan musim tengkujuh dengan memberikan tumpuan kerja-kerja pembersihan di 'oulet' longkang, 'sump longkang', 'scupper drain' dan kerja-kerja pembersihan ulangan berdasarkan keperluan pada oktober 2016 untuk tindakan kontraktor.</p> |



EAN YONG HIAN WAH
Ahl Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

29/3/2017

LAMPIRAN A

LAPORAN PEMANTAUAN OPS LUMPUR MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

| TAHUN | BIL. NOTIS KESALAHAN | NOTIS ARAHAN BERHENTI KERJA | BIL. NOTIS ARAHAN (TANAH PERTANIAN) | PEMANTAUAN B2 & BORANG B | JUMLAH |
|---------------|----------------------|-----------------------------|-------------------------------------|--------------------------|------------|
| 2016 | 20 | 27 | 16 | 146 | 209 |
| 2017 (JAN) | 2 | 2 | 0 | 5 | 9 |
| JUMLAH | 22 | 29 | 16 | 151 | 218 |

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PAC)
BERHUBUNG ISU TAHUN 2016**

2. PAC mencadangkan Majlis Daerah Kuala Langat mengarahkan kontraktor meningkatkan kekerapan membersihkan sistem longkang dan parit terutama ketika musim hujan.

Maklumbalas

Pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor pembersihan awam yang dilantik untuk menghadapi persediaan musim tengkujuh dengan memberikan tumpuan kerja-kerja pembersihan di "outlet" longkang, "sump" longkang, "scupper drain" dan kerja-kerja pembersihan ulangan berdasarkan keperluan pada 18 Oktober 2016 untuk tindakan kontraktor. Arahan kerja pembersihan ini dikeluarkan tanpa dikenakan bayaran tambahan kepada kontraktor.

Pada 1 Disember 2016 berlaku banjir kilat di Jalan Jaya Utama 2, Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang. Kontraktor Syarikat Teratak Mesra Enterprise telah diarahkan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan longkang di kawasan tersebut. Kerja-kerja pembersihan longkang tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan air longkang tidak boleh mengalir kerana sampah-sampah telah tersumbat di bawah "culvet".

Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Kejuruteraan untuk membuka "culvet" tersebut menggunakan jentera "back hoe" untuk mengeluarkan sampah yang tersumbat dan seterusnya banjir tersebut dapat diatasi.

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC
 BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL
 EHSAN KETIGA BELAS TAHUN 2016 PADA 31 OKTOBER, 01-04 NOVEMBER 2016 & 07 - 11 NOVEMBER 2016**

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulaskan/Tindakan MMKN |
|-----|---|--|----------|---------|---|
| 36 | PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG ISU- ISU PADA TAHUN 2016 | <p>1. Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Y.B. Ahli Dewan Negeri Batu Tiga mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang berfungsi untuk menyediakan inventori longkang dan parit selenggaraaan Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Inventori tersebut boleh dijadikan rujukan/ asas kepada pengasingan bidang tugas antara Jabatan/Agensi berkaitan.</p> <p>2. Selaras dengan Polisi Membangun Smart Selangor Yang Peduli, PAC mencadangkan Kerajaan Negeri membangunkan satu aplikasi khusus untuk maklumkan kepada rakyat dengan jelas Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab menyenggara setiap longkang, parit dan jalan di Negeri Selangor. Hal ini untuk memastikan rakyat dapat membuat aduan di jabatan/agensi yang tepat jika berlaku kerosakan atau masalah.</p> <p>3. PAC mencadangkan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri meminda dan mengemas kini Sistem STARS dengan mengurangkan tempoh masa menangani aduan pengguna daripada 60 hari kepada 45 hari.</p> <p>4. PAC mencadangkan Jabatan Kerja Raya Negeri mengkoordinasikan jadual kerja syarikat utiliti untuk memastikan jalan diturap dan disenggaraakan dengan baik setelah kerja penyelenggaraan utiliti selesai dilaksanakan.</p> | ✓ | ✓ | <p>JKR Selangor sedang dalam tindakan untuk mengumpul serta merekodkan senarai inventori longkang dan parit di bawah seliaan JKR.</p> <p>Pihak JKR mengambil maklum cadangan pembangunan aplikasi berkenaan dan ianya boleh diambilkira dalam perancangan untuk dibangunkan aplikasi berkaitan setelah semua inventori longkang dan parit JKR telah dilengkapkan. Untuk pelaksanaan sistem ianya adalah di bawah bidang tugas bahagian/unit teknologi maklumat (IT) di mana JKR Selangor akan menyalurkan data/maklumat yang diperlukan.</p> <p>Pihak Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan mengemaskini Sistem STARS bagi tempoh masa menangani aduan pengguna daripada 60 hari kepada 45 hari.</p> <p>JKR Selangor bertanggungjawab mengeluarkan permit kerja bagi mana-mana pihak utiliti yang melaksanakan kerja utiliti di jalan JKR. Ianya merangkumi tempoh masa pelaksanaan kerja dibenarkan serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa kerja-kerja utiliti dijalankan bagi memastikan kelancaran semasa kerja dijalankan serta jalan diturap dengan baik setelah kerja penyelenggaraan selesai dilaksanakan. Penyeliaan kerja utiliti adalah di bawah tanggungjawab pihak utiliti masing-masing.</p> |


YB TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIE
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO),
 Selangor Darul Ehsan


MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016 MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KETIGA BELAS TAHUN 2016 PADA 31 OKTOBER, 01-04 NOVEMBER 2016 & 07-11 NOVEMBER 2016

| Bil. | Tajuk Penyata | Saranan | Diterima | Ditolak | Ulasan/Tindakan |
|------|--|--|----------|---------|--|
| 36. | <p>PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC)) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016</p> | <p>1. PAC mencadangkan keahlian Jawatankuasa Rayuan Keputusan Pelepasan kuota bumiputera Negeri Selangor terdiri daripada wakil Jabatan/Agensi Negeri yang berkaitan selain keahlian dalam Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor untuk memastikan proses semakimbang berjalan dengan baik.</p> | | | <p>Lembaga Perumahan dan Hartanah selangor (LPHS) telah membawa cadangan PAC ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil.1/2017 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 18 Januari 2017.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan syor PAC. Walau bagaimanapun, mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan keahlian jawatankuasa tersebut secara dalaman yang dianggotai oleh Pengarah Eksekutif sebagai pengerusi dan 5 ahli lain iaitu Ketua Bahagian Perumahan, Ketua Bahagian Pembangunan, Ketua bahagian Khidmat Pengurusan, Pegawai Undang-Undang dan Akauntan.</p> <p>Selain itu, terdapat satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Tabung Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Pegawai Kewangan Negeri dan ketua-ketua bahagian LPHS untuk melaporkan hal-hal berkaitan penerimaan dan penggunaan dana.</p> <p>Sebarang pembelian dan penjualan hartanah-hartanah yang menggunakan dana Tabung Amanah tersebut memerlukan kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah LPHS.</p> <p>LPHS juga akan menubuhkan Jawatankuasa Audit yang dianggotai oleh 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dijangkakan pada bulan Mei 2017.</p> |

| | | |
|---|--|--|
| <p>2. Berlandaskan prinsip ketelusan dan tadbir urus yang baik, PAC mencadangkan Pihak Berkuasa Negeri menetapkan kadar peratusan keuntungan aktiviti pelaburan Tabung Amanah menjadi hasil kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan selebihnya diakaunkan semula dalam Tabung Amanah</p> | | <p>LPHS telah membuat penambahbaikan terhadap Surat Arahan Amanah Tabung Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Hartanah Harga Kawalan dengan mengambil kira perkara 2 dan 3.</p> <p>Surat Arahan tersebut telah dihantar dan disemak oleh Bendahari Negeri Selangor sebanyak 2 kali iaitu pada 13 Januari 2017 dan 20 Februari 2017. Status terkini, pihak Bendahari Negeri Selangor dalam proses semakan draf terakhir.</p> |
| <p>3. PAC mencadangkan agar LPHS turut membuat penetapan Arahan Amanah yang lebih jelas dan adil berhubung pengurusan kredit dan aliran wang Tabung Amanah ini selaras dengan praktis tata kelola pengurusan (good governance)</p> | | |

Untuk makluman PAC juga, kesemua penambahbaikan prosedur dalam Pengurusan Kuota Perumahan Bumiputera Negeri Selangor telah diteliti dan disemak oleh Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SPRM melalui suratnya yang bertarikh 14 Februari 2017 telah menyatakan tiada sebarang pelanggaran serius terhadap mana-mana prosedur yang ditetapkan. Bersama-sama ini juga dilampirkan surat SPRM tersebut untuk makluman PAC.

Diluluskan oleh:



(Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad)

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan
Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAN
(PAC) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016 MESYUARAT KETIGA
PENGKAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR KETIGA BELAS TAHUN
2016.



**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PAC) BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2016
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR KETIGA BELAS TAHUN 2016**

| BIL | SARANAN | ULASAN/MAKLUMBALAS |
|-----|---|--|
| 36 | <p>1. PAC mengesyorkan majlis daerah kuala langat Menguatkuasakan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) oleh kementerian sumber asli dan alam sekitar kepada pemilik ladang yang dikenal pasti. Manual yang telah diimplementasikan kepada setiap pemaju perumahan ini turut memastikan pemilik ladang memahami garis panduan spesifikasi menguruskan parit di dalam ladang masing-masing</p> | <p>Pihak Majlis telah melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan ops lumpur seperti laporan di lampiran A.</p> <p>Pihak MDKL juga sedang mengenalpasti ladang-ladang yang terdapat dalam Daerah Kuala Langat untuk membolehkan pihak mdkl mengeluarkan surat arahan kepada pemilik ladang bagi melaksanakan manual saliran mesra alam (MSMA) di ladang masing-masing. Mengikut maklumat sediaada terdapat sebanyak 155 buah ladang di Daerah Kuala Langat.</p> |
| 2. | <p>PAC mencadangkan Majlis Daerah Kuala Langat mengarahkan kontraktor meningkatkan kekerapan membersihkan sistem longkang dan parit terutama ketika musim hujan</p> | <p>Pihak Majlis telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor pembersihan awam yang dilantik untuk menghadapi persediaan musim tengkujuh dengan memberikan tumpuan kerja-kerja pembersihan di 'outlet' longkang, 'sump longkang', 'scupper drain' dan kerja-kerja pembersihan ulangan berdasarkan keperluan pada oktober 2016 untuk tindakan kontraktor. Salinan surat arahan kepada kontraktor seperti di lampiran B.</p> |

LAPORAN BANJIR KILAT DI TAMAN JAYA UTAMA,**TELOK PANGLIMA GARANG**

| | | |
|-----------|---|---|
| TARIKH | : | 1 Disember 2016 |
| TEMPAT | : | Jalan Jaya Utama 2, Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang |
| ANGGOTA | : | Jabatan Kejuruteraan – 6 orang Unit “Waste Gang” – 5 orang |
| KENDERAAN | : | 1 lori MDKL (UPSPPA) 1 Pickup MDKL (UPSPPA) 1 lori dan peralatan keselamatan dari Jabatan Kejuruteraan 1 unit “back hoe” |

Ringkasan laporan :

1. Pada 1 Disember 2016 lebih kurang 3.00 petang di Jalan Jaya Utama 2, Taman Jaya Utama, Telok Panglima Garang telah berlaku kejadian banjir kilat di kawasan tersebut. Kerja-kerja pembersihan telah dilakukan oleh kontraktor pembersihan awam kawasan tersebut iaitu Syarikat Teratak Mesra tetapi banjir kilat tersebut tidak juga surut.
2. Siasatan telah dilakukan dan didapati punca banjir tersebut adalah daripada longkang yang tersumbat di bawah culvet di kawasan tersebut. Kerja-kerja pembersihan tidak boleh dilakukan kerana longkang tersebut telah tertutup sepenuhnya.
3. Unit UPSPPA telah mendapatkan bantuan daripada Jabatan Kejuruteraan untuk menyelesaikan masalah ini. Bagi menyelesaikan masalah ini, longkang tersebut telah dibuka menggunakan “back hoe” untuk mengeluarkan sampah tersebut. Banjir tersebut telah surut pada jam 8.00 malam.

SEBELUM





SEMASA





SELEPAS





Ruj. Tuan :-
Ruj.Kami : MDKL/UPSPPA/30/2016 (38)
Tarikh : 18 Oktober 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

**PERSEDIAAN MENGHADAPI MUSIM TENGGUJUH DI KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kontraktor Pembersihan Awam Iantikan Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Daerah Kuala Langat adalah diminta untuk membuat persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh di kawasan seliaan / pembersihan masing – masing.
3. Pihak tuan dikehendaki untuk memberi tumpuan terhadap kerja - kerja di bawah :
 - 3.1 Kerja – kerja pembersihan di salur keluar / "outlet" longkang.
 - 3.2 Kerja – kerja pembersihan di sudut / "sump" longkang.
 - 3.3 Kerja – kerja pembersihan di paip pengaliran air bahu jalan / "scupper drain".
 - 3.4 Kerja – kerja pembersihan ulangan berdasarkan keperluan.
4. Sekiranya pihak kontraktor gagal melakukan kerja – kerja di atas, Notis Tindakan Pembetulan "NTP" akan dikeluarkan dan didaftarkan di bawah rekod prestasi perkhidmatan kontraktor.
5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Ruj.Kami : MDKL/UPSPPA/30/2016 (38)

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

Saya yang menurut perintah,



(MOHD AZHAR BIN MOHAMED ALI, A.I.S, P.J.K)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat.

Senarai Edaran.

1. **Rast Combination Enterprise**
No.20A, Jalan Platinum E7/E,
SEKSYEN 7, 40000, SHAH ALAM.
2. **Salam Dinamik Enterprise**
No.88, Jalan 4, Desa Permatang Jaya,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
3. **Teratak Mesra Enterprise**
Lot 177, Kampung Kelanang,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
4. **AFL Engineering and Services**
Kedai No.4, Lot 260, Kampung Kathong,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
5. **Permata SMY Enterprise**
No.6, Jalan Puding, Kampung Tanjung Sepat,
42800, TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT.
6. **Aliran Maju Bina**
Jalan Dahlia 2, Kampung Sungai Kelambu,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
7. **Narizman Enterprise**
Jalan 46, Jalan Pahlawan 3, Taman Pahlawan,
42500, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.
8. **Syaz Suria Enterprise**
Lot 1540, Jalan Mulia Kanan,
Kampung Sungai Lang,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
9. **Silver Bright Construction**
Lot 1109, Jalan Sekolah,
Kampung Tanjung Sepat,
42800, TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT.

10. **Bina Indah Enam Enam**
Kampung Sungai Buah,
43800, DENGKIL, KUALA LANGAT.

11. **Waris Cegah Services**
Lot 1403, Batu 8, Sijangkang,
42500, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.
 12. **Desa Cantik Enterprise**
No.8, Jalan Masjid,
Kampung Tanjung Sepat,
42800, TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT.
 13. **Endah Kudrat Resources**
Lot 210, Lorong Belimbing,
Kampung Endah,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 14. **MRSB Najah Enterprise**
No.19A, Tingkat 1, Jalan Cemerlang 4,
Pusat Perdagangan Banting,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 15. **RT Digital Inteligence**
No.14, Jalan PUJ 8/6,
Taman Puncak Jalil,
43300, SERI KEMBANGAN.
 16. **Kenanga Utama Enterprise**
Tingkat 3, No.9, Jalan Cemerlang 2,
Pusat Perdagangan Banting,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 17. **Aliff Ujud Enterprise**
B-1-22, Tingkat Atas, Lot 2,
Jalan Seri Pekan 2, Medan Seri Pekan,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 18. **Misnan Enterprise**
Blok 1B, Kedai Perniagaan Bumiputera,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 19. **Vacuta Enterprise**
No.11, Jalan Tenggara 15, Taman Mutiara,
42800, TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT.
-

20. **Najah Utama Enterprise**
No.11, Jalan Tenggiri 15, Taman Mutiara,
42800, TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT.
 21. **Raza Enterprise**
Jalan Pasar, Kampung Bukit Bangkong,
43950, SUNGAI PELEK.
 22. **I Hans Resources**
15 A, Mezzanine,
Jalan Gelama 17/24, Seksyen 17,
40000, SHAH ALAM.
 23. **Pembinaan Bintang Utama**
73, Jalan Tilapia 9,
Taman Seri Putra,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 24. **Arrizqu Enterprise**
No.20, Jalan Delima 25, Taman Delima,
42700, BANTING, KUALA LANGAT.
 25. **Paradiska Unggul Resources**
Lot 885, Lorong 9, Kampung Sungai Kandis,
Seksyen 36, Petaling,
40460, SHAH ALAM.
-